



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْاَحوَالِ اِلَامِ اِسْلَامِ نِغَرِي سَابَاہ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

16 ZULHIJJAH 1446H / 13 JUN 2025M

“MENJADI AYAH YANG HEBAT”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ
عَلَيْهَا مَلَكُوتٌ غَلَاطٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾
﴿التحریم: 6﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٣﴾

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya menyeru kepada diri saya dan jemaah sekalian, marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya. Tunaikanlah segala suruhan Allah SWT dan tinggalkanlah setiap larangan-Nya. Semoga Allah SWT meredai hidup kita di dunia dan di akhirat. Tajuk khutbah jumaat pada kali ini ialah **"Menjadi Ayah Yang Hebat"**. Sebelum mengorak bicara dengan lebih jauh, mimbar ingin mengingatkan kepada para jemaah sekalian bahawa, mendengar khutbah adalah sebahagian daripada kesempurnaan Solat Jumaat. Justeru itu, sila beri tumpuan sebaik mungkin kepada khutbah yang disampaikan pada kali ini. InsyaAllah.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Menjadi seorang ayah bukanlah sesuatu yang mudah. Tetapi itu bukan alasan untuk kita tidak berusaha untuk menjadi ayah yang baik. Tugas utama seorang ayah ialah memikul amanah sebagai pemimpin keluarga. Seajar dengan firman Allah SWT dalam surah an-Nisa ayat 34:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ... ﴿٣٤﴾

Maksudnya: “Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka....”

Mengetahui akan hakikat ini, maka timbul sebuah persoalan, bagaimanakah cara untuk menjadi ayah yang hebat dalam memimpin dan membina sebuah keluarga Islam yang ideal. Jawapannya adalah dengan mengikuti keunggulan peribadi kepimpinan insan terbaik yang pernah berjalan di atas muka bumi ini, iaitu Nabi Muhammad SAW. Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ... ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik...”

SIDANG JEMAAH YANG DIREDAI ALLAH,

Terdapat **tiga** ciri asas kepimpinan Rasulullah SAW untuk kita ikuti dan pelajari. **Ciri pertama** ialah **pemimpin yang berwawasan**. Wawasan bermaksud pandangan atau pemahaman yang mendalam tentang sesuatu. Wawasan Rasulullah SAW sebagai pemimpin keluarga tidak lain tidak bukan ialah selamat daripada azab dan meraih syurga Allah SWT.

Firman Allah dalam surah at-Tahrim ayat 6, sebagaimana yang telah dibacakan pada awal khutbah tadi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ... ﴿٦﴾

Maksudnya: *“Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan bakarnya terdiri daripada manusia dan batu (berhala)...”*

Wawasan ini sangat penting untuk kita ikuti dan menjadi asas kepada pembinaan keluarga Islam. Melalui wawasan ini, Rasulullah SAW memastikan cara hidup Islam diterapkan dalam setiap aspek kehidupan berkeluarga. Misalnya dari aspek akidah, syariat, dan akhlak Islam yang lengkap. Ayah yang mempunyai wawasan jelas sudah tentu mampu bersedia, merancang dan melaksanakan fungsi seorang ayah dengan baik dalam memastikan kebahagiaan rumah tangga dapat dicapai di dunia dan di akhirat.

SIDANG JEMAAH SEKALIAN,

Selain daripada itu, **ciri kedua** seorang ayah yang hebat juga harus memimpin dengan **memupuk nilai-nilai murni** dalam kehidupan. Antaranya ialah nilai kasih sayang, akhlak yang baik dan integriti. Sabda Rasulullah SAW yang **bermaksud:** *“Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap ahli keluarganya, dan aku adalah orang yang paling baik terhadap ahli keluargaku.”* (HR. Tirmizi)

Ayah juga perlu sentiasa berinteraksi dan menghadirkan diri bersama isteri dan anak-anak secara fizikal mahupun emosi. Seperti berdialog, berbincang, bercerita dan bermain dengan anak-anak. Jika perkara ini berlaku sudah tentu ia mampu membina hubungan akrab dan sistem sokongan yang utuh antara ayah dan anak. Bak kata peribahasa ‘*Hidup Sandar-Menyandar Bagai Aur Dengan Tebing*’.

SIDANG JEMAAH YANG DIREDAI ALLAH SEKALIAN,

Ciri ketiga ialah seorang ayah yang hebat mestilah **cekal dan tabah** dalam menempuh ujian. Jika kita jejak sirah Rasulullah SAW dalam kehidupan berkeluarga, baginda telah diuji dengan pelbagai peristiwa kehilangan ahli keluarganya yang tersayang. Misalnya peristiwa meninggalnya isteri kesayangan baginda Saiyidatina Khadijah binti Khuwailid. Begitu juga peristiwa meninggalnya anak baginda Rasulullah SAW seperti Qasim, Abdullah dan Ibrahim. Semua peristiwa ini adalah ujian yang menyedihkan baginda namun tidak sesekali mematahkan semangat perjuangan seorang ayah dalam diri baginda. Rasulullah SAW terus memimpin keluarga sehinggalah ke akhir hayatnya. Memiliki sifat ketabahan yang tinggi itu penting umpama jika datang ombak menghempas bahtera, nakhodanya tetap teguh mengemudinya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Menyimpul khutbah pada hari ini, saya menyeru kepada seluruh umat Islam agar:-

Pertama: Hargailah jasa dan pengorbanan insan yang bernama ayah ini. Bagi sesiapa yang ayahnya masih hidup bersyukurlah kepada Allah SWT dan berbaktilah kepada mereka selagi ada waktu yang tersisa. Buat mereka yang telah kehilangan ayah, kirimkan doa dan pahala buat mereka. Jadilah anak yang soleh dan solehah.

Kedua: Wahai para ayah! Marilah kita mensyukuri nikmat menjadi seorang ayah dengan berusaha menjadi ayah terbaik kepada anak-anak kita. Didik anak-anak kita sesuai tuntutan al-Quran dan al-Sunnah. Teruskan menimba ilmu khususnya ilmu mendalami sifat kebapaan.

Ketiga: Kepada yang bakal menjadi ayah, buatlah persediaan untuk menjadi ayah. Lengkapkan diri dengan ilmu, dapatkan nasihat daripada ayah yang berpengalaman dan sentiasa ingat akan tanggungjawab sebagai ketua keluarga.

Terakhir: Setiap daripada kita bertanggungjawab menjadi agen kepada pembinaan institusi keluarga yang selamat dan sejahtera bermula dengan keluarga kita sendiri. Hapuskan budaya ayah yang tidak bertanggungjawab, yang membawa kepada kezaliman, keganasan rumah tangga dan yang paling sedih melakukan jenayah seksual (sumbang mahram) kepada anggota keluarganya. Jadilah lelaki bermaruah dan ayah yang hebat, agar sekeluarga selamat dunia dan akhirat. Saya tutup khutbah pertama ini dengan sepotong doa daripada firman Allah SWT dalam surah al-Furqan ayat 74:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Maksudnya: “Dan orang orang yang berkata: “Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati (kami), dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَهَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang

Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.